

**PERSEPSI KONTRAKTOR TERHADAP KEBERKESANAN PROGRAM LATIHAN  
KESELAMATAN DAN KESIHATAN**

**MOHD HARUL AMIN BIN MUSTAFA**

Laporan projek ini dikemukakan  
Sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
Penganugerahan ijazah Sarjana Muda Sains (Pembinaan)

Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

MEI, 2011

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, saya mengucapkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan keizinanNya dapat jua saya menyiapkan laporan Projek Sarjana Muda ini. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan buat Prof. Madya Wan Yusoff bin Wan Mahmood kerana telah banyak memberi tunjuk ajar, curahan ilmu dan bimbingan kepada saya untuk menyiapkan laporan ini.

Ribuan terima kasih juga ditujukan buat ibubapa yang tidak putus memberi sokongan moral serta kewangan yang banyak membantu saya dalam usaha menyiapkan Projek Sarjan Muda ini.

Penghargaan juga ditujukan khas buat rakan-rakan seperjuangan yang memberi sokongan, pandangan dan idea secara langsung mahupun tidak langsung semasa proses penyediaan Projek Sarjana Muda ini. Segala pertolongan dan Bantuan yang dihulurkan oleh anda semua amat saya hargai.

## **ABSTRAK**

Program Latihan Keselamatan dan Kesihatan telah lama dilaksanakan bagi mewujudkan satu keadaan tapak bina yang selamat dan sihat kepada pekerja. Walaubagaimanapun, isu kemalangan yang semakin meruncing yang dinyatakan oleh pihak PERKESO menyebabkan timbul tanda tanya berhubung keberkesanan Program Latihan Keselamatan dan Kesihatan yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan juga pihak majikan dalam usaha mewujudkan tapak bina yang selamat, dan sihat. Oleh hal yang demikian, objektif bagi kajian ini adalah mengenalpasti persepsi kontraktor terhadap Program Latihan Keselamatan dan Kesihatan serta keberkesanan Program Latihan Keselamatan dan Kesihatan. Bagi mencapai objektif kajian, borang soal selidik akan digunakan sebagai kaedah pengumpulan data. Kajian ini tertumpu kepada pihak kontraktor di sekitar Johor Bahru. Hasil kajian yang boleh disimpulkan bahawa kontraktor melihat Program Latihan Keselamatan dan Kesihatan merupakan satu program yang penting dalam mewujudkan tapak bina yang selamat dan sihat. Daripada hasil kajian juga menapati bahawa Program Latihan Keselamatan dan Kesihatan dilihat berkesan dalam pelaksanaannya berdasarkan persetujuan yang dinyatakan oleh pihak responden. Kajian ini merumuskan bahawa Program Latihan Keselamatan dan Kesihatan amat penting dilaksanakan secara berkala bukan hanya pada awalnya sahaja. Ini adalah berdasarkan komen yang diterima daripada pihak responden berkaitan dengan Program Latihan Keselamatan dan Kesihatan.

## **ABSTRACT**

Safety and health training program has been implemented to create a state of construction sites safe and healthy environment for workers. However, the issues are getting worse as accident described by SOCSO cause raises the question on the effectiveness of safety and health training program that was implemented by the government and employers in creating a site is safe and healthy. Therefore, objective of this study was to identify the contractors' perception of safety and health training programs and effectiveness safety and health training programs. To achieve the objectives of the study, a questionnaire used as a method of data collection. This study focuses on contractors in Johor Bahru. The study concluded that the contractors seen the safety and health training program is an important program to create a site which is safe and healthy. From the study, safety and health training programs are effectively implemented based on the agreement expressed by the respondents. This study concluded that health and safety training programs conducted on a regular basis is important not just in the beginning. This is based on comments received from the respondents in connection with occupational safety and health training programs.